

KETIGA-tiga suspek termasuk dua anggota APMM dibawa keluar dari pekarangan Mahkamah Kangar oleh anggota SPRM Perlis.

HM 4/2/2028 MS. 5



DUA ANGGOTA APMM ANTARA DITAHAN MINTA SUAPAN, BUAT PEMERASAN TERHADAP NELAYAN

KUTIP RM3,000 SATU BOT

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Tiga individu termasuk dua anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis direman enam hari sehingga 8 Februari ini bagi membantu siasatan berhubung memin-

ta suapan pemerasan sebagai perlindungan kepada bot nelayan di perairan Perlis.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Siti Norhasliza Md Ali di Mahkamah Majistret Satu Kangar, semalam.

Sumber berkata, penahanan ketiga-tiga individu, termasuk anggota APMM yang berpangkat laskar kanan maritim dan bintanga

muda maritim dengan Gred T4 dan T5 berusia 40-an dibuat hasil aduan awam.

"Siasatan awal mendapati, dua anggota APMM itu disyaki meminta suapan antara RM1,000 hingga RM3,000 daripada be-

berapa pemilik bot nelayan sepanjang dua hingga tiga tahun ini.

"Individu ketiga yang juga nelayan pula dipercayai menjadi orang tengah atau proksi kepada dua anggota APMM terbabit untuk

“
Sepuluh lagi anggota APMM akan dipanggil membantu siasatan
Sumber

menerima suapan itu,” katanya.

Menurut sumber, jumlah suapan yang diterima dianggarkan antara RM20,000 hingga RM30,000 setahun daripada seorang pemilik bot.

“Sepuluh lagi anggota APMM akan dipanggil bagi membantu siasatan kes ini. “Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhan-

jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Perlis Suzeliyana Hashim, mengesahkan penahanan berkenaan.

Terdahulu, ketiga-tiga individu terbabit ditahan di Pejabat SPRM Perlis di Kangar jam 4 petang kelmarin, selepas dipanggil untuk membantu siasatan.